

01 SEP 2002

Filipina-Misi/I

PENASIHAT PRESIDEN FILIPINA AKAN KETUAI MISI RUNDINGAN KE KL

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Nur Jaafar, penasihat presiden Filipina, Gloria Arroyo, akan mengetuai satu rombongan ke sini esok bagi membincangkan isu penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina dari Malaysia.

Duta Filipina ke Malaysia, Jose Brillantes, hari ini mengesahkan bahawa Jaafar, bekas anggota kongres, akan mengetuai satu delegasi yang dianggotai beberapa pegawai kanan kerajaan negara itu.

"Selain ke Kuala Lumpur, misi ini akan ke Kota Kinabalu dan Sandakan," katanya semasa dihubungi Bernama di sini hari ini.

Sebahagian besar pendatang tanpa izin dari Filipina kini ditahan di pusat tahanan di Menggatal, Kota Kinabalu dan Sandakan.

Ditanya sama ada delegasi berkenaan akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri, Brillantes berkata jadual lawatan delegasi itu belum dimuktamadkan.

Semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil keputusan menangguhkan sementara penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina bagi memenuhi permintaan Arroyo.

Filipina meminta Malaysia menangguhkan penghantaran pulang rakyatnya kerana terdapat bantahan umum di negara itu kononnya pihak berkuasa Malaysia memberi layanan buruk kepada warga Filipina di pusat tahanan.

Dr Mahathir bagaimanapun menafikan dakwaan itu, dan memenuhi permintaan negara itu untuk menghantar pegawainya menjalankan siasatan berhubung perkara itu.

-- BERNAMA

MHI AZZ SP MAI